

Kerajaan **cuba** kurang defisit Belanjawan 2002

UM 15 JUL 2001

Oleh MOHD FAUZI JAAFAR
dan JOHARDY IBRAHIM

PUTRAJAYA 14 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, kerajaan akan cuba mengurangkan defisit Belanjawan 2002 bagi menjaga perbelanjaan negara.

Perdana Menteri berkata: "Kita akan cuba kurangkan defisit, kerana kita harus juga menjaga perbelanjaan negara."

"Jika kita berhelanja keterlaluan, kita akan hadapi masalah, kalau esok ekonomi merosot, kita mungkin hadapi lebih banyak masalah," kata Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar sesi Dialog Belanjawan 2002 yang masuk hari ketiga dan yang terakhir sekali di sini hari ini.

Dua sesi sebelum ini telah mmbincangkan isu-isu mengenai ekonomi makro serta peranan yang perlu dimainkan oleh

sektor-sektor penting di dalam ekonomi negara.

Tema Dialog- Belanjawan 2002 ialah Membina Ekonomi Ke Arah Menggalakkan Pertumbuhan Melalui Pengukuhan Daya Tahan dan Peningkatan Daya Saing.

Mengulas mengenai penurunan cukai di dalam Belanjawan 2002 kali ini, Dr. Mahathir berkata semua cadangan bagi sebarang bentuk pengurangan cukai akan dikaji terlebih dahulu.

"Kerana ada kalanya bila kita kurangkan cukai, hasil kerajaan bertambah," kata beliau lagi.

Sebagai contoh, Perdana Menteri menyebut suatu waktu dahulu kerajaan pernah menaikkan cukai import bagi barangan mewah.

"Dulu kita naikkan cukai import barangan mewah, kerana kononnya ia tak perlu, jadi boleh kenakan cukai tinggi kepada orang kaya sahaja.

"Tetapi bila cukai tinggi, orang seludup (barangan mewah) daripada negara jiran dan tidak kena cukai," katanya lagi.

Oleh itu, kata Perdana Menteri kerajaan tidak dapat memungut cukai untuk barangan mewah

Menurut beliau, apabila kerajaan menghapuskan cukai tersebut kemudiannya, perniagaan untuk barangan mewah melonjak tinggi dan keuntungan daripada perniagaan itu juga bertambah berlipat kali ganda.

Dengan itu, kata Dr. Mahathir, kerajaan dapat memungut cukai korporat yang besar hasil perniagaan barangan mewah.

"Itu menunjukkan bila kita hapuskan satu cukai, kita meningkatkan cukai yang lain," jelas Perdana Menteri.

Dalam hubungan ini, beliau bertanya jika kerajaan menukarkan cukai korporat, adakah cara itu mampu memberi galakan dan pulangan yang besar kepada perniagaan-perniagaan.

"Jika ia (penurunan cukai korporat) boleh menolong ekonomi kita tumbuh dengan pesat, ia langkah yang baik," kata Perdana Menteri.